

Menang bukar syarat utama

Yang penting PM dan Timbalan boleh berpakat

Oleh NAZAR ABDUL

KUALA LUMPUR, Sabtu — Sesiapa sahaja boleh dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri, walaupun tidak memegang jawatan dalam parti, asalkan boleh membantu dan bekerjasama dengan Perdana Menteri, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, kerjasama erat antara Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri penting bagi memastikan kelicinan dan keberkesanan pentadbiran kerajaan.

Dalam hubungan ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, tokoh veteran Encik Ghafar Baba boleh terus dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri, biar apa pun keputusan pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden Umno pada 24 April ini.

"Saya tetap akan melantik Encik Ghafar sebagai Timbalan Perdana Menteri kerana saya mempunyai keyakinan penuh terhadapnya," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas melancarkan Hari Kesedaran Sivik Kebangsaan di Angkasapuri di sini hari ini.

Menurut beliau, perlantikan seseorang anggota Kabinet tidak bergantung kepada jawatannya dalam parti kerana ada beberapa pemimpin Umno sekarang dilantik menjadi menteri walaupun tidak memegang atau memenangi apa-apa jawatan dalam parti.

(Antara mereka ialah Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Tengku Razaleigh Hamzah, yang dua kali tewas di tangan Datuk Musa Hitam dan Menteri Kewangan, Encik Daim Zainuddin, yang tidak bertanding sebarang jawatan penting).

"Selain menjadi Timbalan Perdana Menteri, seseorang itu mesti boleh bekerja secara erat dengan Perdana Menteri," jelasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata memang tepat dan wajar Encik Ghafar bertanding jawatan Timbalan Presiden Umno kerana Timbalan Perdana Menteri patut juga menjadi Timbalan Presiden Umno dan beliau yakin Encik Ghafar akan menang.

Walaupun Timbalan Perdana Menteri tidak semestinya Timbalan Presiden Umno, kata Perdana Menteri, adalah lebih baik jika orang itu juga menjadi timbalan presiden parti.

Ditanya sama ada Encik Ghafar merujuk kepada beliau sebelum mengumumkan keputusan bertanding jawatan timbalan presiden semalam, Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan beliau sudah pun menyatakan sokongan terhadap Encik Ghafar.

Beliau yakin perwakilan akan memilih Encik Ghafar sebagai timbalan presiden kerana mereka sudah memberi pencalonan yang banyak kepadanya.